

**LEMBAGA PELABUHAN RAJANG
SIBU**

NOTIS JAWATAN KOSONG

Lembaga Pelabuhan Rajang (LPR) mempelawa permohonan daripada warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memiliki kelayakan dan syarat-syarat perlantikan bagi mengisi kekosongan untuk jawatan seperti berikut:

- A. 1. Jawatan : Pegawai Keselamatan Gred KP41**
2. Klasifikasi : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
3. Kumpulan Perkhidmatan : PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL
4. Jadual gaji Min – Max : RM2,081.00 – RM9,547.00
Gred KP41
5. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada gred KP41: RM2,081.00);
atau
(ii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada gred KP41: RM2,285.00);
atau
(iii) Bekas anggota polis yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis dan Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada gred KP41: RM2,081.00);
dan
 - (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaendera seperti berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81 cm dan semasa menarik nafas 86 cm (lelaki sahaja)
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar;
- (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan serta arahan mengenai keselamatan perlindungan kepada Jabatan dan sasaran penting serta kawasan larangan dan tempat larangan termasuk yang berkaitan untuk mengekal dan mempertingkatkan tahap keselamatan fizikal, dokumen, peribadi, dengan tujuan melindungi aset dan rahsia rasmi daripada pelbagai bentuk ancaman keselamatan.

- B. 1. Jawatan** : **Pembantu Keselamatan Gred KP19**
2. Klasifikasi : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
3. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
4. Jadual gaji Max – Min : RM1,360.00 – RM4,052.00
Gred KP19
5. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Memiliki Kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada gred KP19: RM1,360.00); atau
 - (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada gred KP19: RM1,360.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang siiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada gred KP19: RM1,416.40); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau

kelayakan yang siiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada gred KP19: RM1,472.80);
dan

- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79 cm dan semasa menarik nafas 84 cm (lelaki sahaja)
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar;

Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksana tugas kawalan keselamatan aset Jabatan yang melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis Jabatan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan.

C. 1. Jawatan : **Pembantu Tadbir Gred N19**

2. Klasifikasi : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

3. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

4. Jadual gaji Max – Min : RM1,352.00 – RM4,003.00
Gred N19

5. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Memiliki Kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00);
atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada gred N19: RM1,408.40);
atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang siiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada gred KP19: RM1,464.80);
dan

Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksana tugas-tugas pekerjaan dan operasi di peringkat Kumpulan pelaksana yang merangkumi aspek pekerjaan dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web rasmi LPR di www.rajangport.gov.my. Borang yang telah lengkap diisi dalam satu salinan hendaklah dikembalikan kepada **Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Rajang, 96000 Sibuloh, Kuala Terengganu, Terengganu** **selewat-lewatnya pada atau sebelum 21 Januari 2021** . Sila sertakan sesalinan sijil kelayakan yang berkaitan dan sekeping gambar berukuran passport. Hanya permohonan yang layak sahaja akan disenarai pendek. Sekiranya pemohon tidak dihubungi dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tutup, maka permohonan tersebut dianggap tidak berjaya.

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN RAJANG**